

UCAPAN YANG AMAT BERBAHAGIA  
DATO SERI DATIN PADUKA  
DR. SITI HASMAH BTE HJ. MOHD ALI  
DI TAMAN ASUHAN TASPUPTRA PERKIM  
JALAN GURNEY, KUALA LUMPUR  
PADA HARI RABU, 14HB SEPTEMBER 1988  
PUKUL 4.00 PETANG

Bismillahir rahmanir rahim.

Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh,  
dan salam sejahtera.

Saudari Pengerusi Majlis  
Beusaha  
Yang Mulia Puan Muna Othman,

Tuan Hj.

HMS Hussein

S/Usaha Agung Kelan  
PERKIM Kelan

Pengerusi Tasputra Perkim;

① YABhg. Tun Omar & Joh Puan Dr. Aishah

Dif-Dif Kehormat; ② T. Y. T.

En. Wang.

Tuan-tuan dan puan-puan,



Ilahi

Saya bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu wa Ta'ala kerana dengan limpah kurniaNya dapat kita berkumpul di majlis ini. Saya

ingin merakamkan setinggi penghargaan kepada Jawatankuasa Penubuhan Tasputra Perkim kerana menjemput saya membuka dengan rasmi taman asuhan untuk kanak-kanak cacat ini.

Tuan-tuan dan puan-puan,

*Setinggi-tingginya*

2. Saya mengucapkan tahniah kepada Puan Muna Othman dan rakan-rakan beliau yang telah berjaya menubuhkan Tasputra Perkim untuk kanak-kanak cacat ini. Saya sangat gembira dengan kerjasama, bantuan dan sumbangan yang diberikan oleh berbagai-bagai pihak kepada Tasputra Perkim ini. Di samping derma besar daripada dua-tiga pihak untuk menubuhkannya,

...Kementerian/-

Kementerian Kebajikan Masyarakat telah memberi latihan tentang penjagaan kanak-kanak cacat dan ramai para penderma yang telah menderma wang ringgit dan harta benda untuk taman asuhan ini. Di samping itu, terdapat satu panel doktor dari klinik bergerak Perkim dan klinik swasta yang akan memberi perkhidmatan perubatan untuk kanak-kanak cacat di sini. Saya berharap bantuan dan sokongan ini akan berterusan untuk kebajikan dan masa depan kanak-kanak cacat kita.

3. Kanak-kanak cacat mempunyai perasaan yang sangat sensitif dan mudah tersinggung. Dengan itu adalah diharapkan anggota-anggota masyarakat akan sentiasa dapat memahami perasaan mereka yang cacat ini supaya mereka tidak berasa terasing daripada anggota-

...anggota/-

anggota masyarakat yang lain. Sebaliknya kita harus memberi galakan dan perangsang kepada mereka supaya berusaha menjalani usaha-usaha pemulihan, baik di pusat-pusat yang dikhaskan untuk mereka ataupun di rumah masing-masing. Kita juga bertanggungjawab untuk memberi mereka keyakinan diri serta ketabahan hati untuk menghadapi masa depan walaupun mereka cacat. Tugas ini memanglah berat. Dengan itu saya berharap supaya ibu bapa menebalkan semangat masing-masing untuk memberi bimbingan dan bantuan kepada anak-anak mereka yang kurang berkeupayaan ini.

4. Saya yakin bahawa kesedaran yang tebal betapa pentingnya memberi perlindungan kepada kanak-kanak cacat telah wujud di kalangan ibu-bapa dan ahli-ahli sukarelawan serta

...kakitangan/-

kakitangan pertubuhan-pertubuhan kebajikan sukarela. Dengan kesedaran itu, pertubuhan-pertubuhan kebajikan sukarela telah berusaha melalui berbagai pendekatan untuk mendapatkan sokongan dan bantuan kebajikan daripada orang ramai. Ada pendekatan yang berjaya dan ada yang kurang berjaya.

5. Walau bagaimanapun saya ingin mencadangkan supaya ibu bapa turut berusaha membawa sanak-saudara atau saudara-mara terdekat melawat pertubuhan-pertubuhan kebajikan yang membela nasib anak-anak yang kurang berkemampuan atau cacat. Dengan membuat lawatan sedemikian, perasaan simpati serta belas kasihan akan timbul di kalangan sanak-saudara kita itu. Harapan kita ialah

...dengan/-

dengan perasaan simpati serta belas kasihan terhadap kanak-kanak cacat dan yang kurang berkemampuan, akan menanamkan semangat yang sewajarnya supaya mereka bersedia memberi bantuan kepada pertubuhan-pertubuhan kebajikan sukarela seperti Tasputra Perkim ini. Usaha seperti ini hanyalah tambahan kepada pendekatan-pendekatan yang sedia ada dalam mendapatkan bantuan kewangan dan bantuan kebendaan daripada orang ramai.

6. Justeru itu mungkin pihak Tasputra Perkim ini dapat mengadakan hari keluarga secara sederhana dengan menjemput sanak-saudara terdekat kepada ibu bapa kanak-kanak di taman asuhan ini, terutama sanak-saudara yang berkeupayaan dari segi kewangan. Marilah kita berdoa ke hadrat

...Allah/-

Allah Subhanahu wa Ta'ala semoga usaha seperti ini dapat memenuhi cita-cita kita.

Tuan-tuan dan puan-puan,

7. Izinkan saya bercakap dalam Bahasa Inggeris oleh kerana majlis ini dihadiri juga oleh beberapa orang jemputan dari kedutaan-kedutaan asing di ibukota kita.

Ladies and gentlemen,

8. Tasputra Perkim has received encouraging support and assistance from various groups and individuals. I understand that this day care centre for handicapped children has also enjoyed such support from members of foreign missions in our capital city. Although Puan

...Muna/-

as the first Day Care Centre  
for disabled little children,



Muna and her colleagues have expressed their gratefulness to you, and others not present today, I would also like to express my appreciation and sincere thanks for such a generous gesture.

9. Malaysians are increasingly aware of the plight of the disabled and the unfortunate among us. As can be seen from the overwhelming response and support to Sports Aid '88 and the Telethon recently, Malaysians can be very generous in helping a very genuine cause once it is made known to them. I hope this Tasputra Perkim will be made known to everybody so that support will be continuously forthcoming to help fulfil the needs of this Centre. I hope too that you, ladies and gentlemen, will continue to

...assist/-

assist charitable organisations and institutions in whatever way you can.

Tuan-tuan dan puan-puan,

10. Sekali lagi saya mengucapkan syabas kepada golongan sukarelawan yang menubuhkan Tasputra Perkim ini. Saya berdoa semoga hasrat murni para sukarelawan semua akan berjaya dan diberkati oleh Illahi. Dengan harapan semoga kanak-kanak cacat di taman asuhan ini semakin hari semakin sejahtera, saya dengan penuh kesyukuran kepada Allah Subhanahu wa Ta'ala membuka taman asuhan Tasputra Perkim ini dengan rasminya.

Wabillahi taufik walhidayah wassalamu  
alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

